

Ruj. Kami : YT.UI.100-13/7/1 Jld.5 (19)
Tarikh : 1 Julai 2024

Semua Pegawai & Kakitangan
YAYASAN TERENGGANU

Tuan/Puan,

PERINGATAN BERKAITAN KESALAHAN MENGEMUKAKAN DOKUMEN/ TUNTUTAN PALSU

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa dalam memastikan semua pegawai dan kakitangan mematuhi peraturan-peraturan pegawai awam, satu peringatan berkaitan kesalahan mengemukakan dokumen/tuntutan palsu diedarkan bagi memberi kesedaran di bawah **Peraturan 3(2)(f) Enakmen Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2002** iaitu seseorang pegawai tidak boleh **tidak jujur** atau **tidak amanah**. Jika seseorang pegawai didapati bersalah, pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib sehingga dijatuhkan hukuman **Buang Kerja**.

3. Selain itu mengikut kesalahan di bawah **Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM 2009) (Akta 694)**, seseorang pegawai yang didapati bersalah mengemukakan tuntutan palsu boleh **dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh (20) tahun** dan **didenda tidak kurang dari lima (5) kali ganda nilai suapan/butiran palsu atau RM10,000.00** mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

4. Semoga perkara ini di dalam makluman dan di harap tuan/puan dapat menjalankan tugas dengan jujur, amanah, berintegriti dan penuh tanggungjawab.

Sekian, terima kasih.

“TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA”
“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI MOHD AZMI BIN MOHAMAD DAHAM)
Pengarah

- i. Semua Timbalan Pengarah
- ii. Semua Ketua Pen. Pengarah
- iii. Semua Ketua Unit
- iv. Pegawai YT Daerah Kemaman
- v. Semua Pengetua SM Imtiaz YT
- vi. Semua Pengetua PPYT

Sila catatkan rujukan Lembaga ini apabila berhubung